


# Cervical Cancer



## What

The cervix is the lower, narrow end of the uterus. Cervical cancer results when abnormal growth of cancer cells in the tissues of the cervix begin to develop.

## How

Most cervical cancer is caused by Human Papillomavirus (HPV) which is a common sexually transmitted infection.

## Symptoms

It is usually a slow-growing cancer that may not have symptoms in the early stages. Signs and symptoms of more-advanced cervical cancer include:

- Unusual bleeding in between periods
- Post-menopausal bleeding
- Vaginal discharge with unpleasant smell
- Bleeding after sex
- Pain or discomfort with sex

## Risk Factors

- Many sexual partners. The greater your number of sexual partners and the greater your partner's number of sexual partners, the greater your chance of acquiring HPV.
- Having sex at an early age increases your risk of HPV.
- Other sexually transmitted infections (STIs). Having other STIs such as chlamydia, gonorrhea, syphilis and HIV/AIDS, increases your risk of HPV.
- A weakened immune system.
- Smoking.

## Prevention

Getting screened regularly and acting quickly when symptoms appear greatly reduces your cervical cancer risks.



Go for regular pap tests every 3 years from age 20 to 65 years. Do you know when was your last screening?

**Early Detection and Cancer Prevention Services**  
**The Brunei Cancer Centre**

For questions or concerns, please call us at  
+673 261 3333 (ext. 1515)



# Kanser Serviks



## Apa

Serviks atau pangkal rahim ialah bahagian yang menyambungkan badan rahim ke faraj. Kanser serviks berlaku apabila terjadi pertumbuhan sel kanser yang tidak terkawal pada bahagian pangkal rahim.

## Punca

Kebanyakan kanser serviks berpunca daripada Human Papillomavirus (HPV) yang merupakan jangkitan kelamin yang biasa dihadapi.

## Tanda-tanda

Kanser serviks tumbuh secara perlahan yang mungkin tidak menunjukkan gejala pada peringkat awal. Tanda dan gejala kanser serviks yang lebih lanjut termasuk:

- Pendarahan luar biasa di antara haid
- Pendarahan selepas putus haid
- Lelehan dari faraj dengan bau yang tidak menyenangkan
- Pendarahan selepas hubungan intim
- Sakit ketika melakukan hubungan intim

## Faktor Risiko

- Mempunyai ramai pasangan seksual. Lebih ramai pasangan seksual anda dan lebih ramai pasangan kepada pasangan seksual anda, lebih besar risiko anda untuk mendapat HPV.
- Melakukan hubungan kelamin pada usia awal meningkatkan risiko mendapat HPV.
- Menghidapi jangkitan kelamin lain seperti *chlamydia*, *gonorrhoea*, *syphilis* dan HIV/AIDS, meningkatkan risiko mendapat HPV.
- Sistem imun yang lemah.
- Merokok.

## Pencegahan

Mendapatkan ujian pap secara rutin dan bertindak dengan cepat apabila gejala muncul mengurangkan risiko kanser serviks anda.



Lakukan ujian pap setiap 3 tahun dari umur 20 hingga 65 tahun. Bila kali terakhir anda membuat ujian pap?

**Perkhidmatan Pengesanan Awal dan Pencegahan Kanser  
Pusat Kanser Brunei**

Untuk pertanyaan, sila hubungi kami  
+673 261 3333 (ext. 1515)